

## **Pandangan R.O. Winstedt Mengenai Perwarisan Harta di Tanah Melayu: Perbandingan ke atas Undang-Undang Islam dan Adat Perpatih**

### ***View of R.O. Winstedt on Property Inheritance in Malay Lands: A Comparison of Islamic Law and Perpatih Customs***

**\*Mohd Farhan Abd Rahman<sup>1</sup>, Muhd Imran Abd Razak<sup>2</sup>, Ahmad Firdaus Mohd Noor<sup>3</sup> Nurul Kamalia Yusuf<sup>4</sup>, Nor Adina Abdul Kadir<sup>5</sup> & Khairunnisa A Shukor<sup>6</sup>**

<sup>1,2,3</sup>*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA.*

<sup>4</sup>*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA.*

<sup>5</sup>*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, 78000 Alor Gajah, Melaka, MALAYSIA.*

<sup>6</sup>*Jabatan Pengajian Moral, Sivik & Pembangunan Karektor, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA.*

\*farhan84@uitm.edu.my<sup>1</sup>, imranrazak@uitm.edu.my<sup>2</sup>, firdausnoor@uitm.edu.my<sup>3</sup>, nurulkamalia@uitm.edu.my<sup>4</sup>, noradina@uitm.edu.my<sup>5</sup> & khairunnisa.a@fsk.upsi.edu.my<sup>6</sup>

**\*Corresponding author**

*Received: 1 February 2023, Accepted: 1 March 2023, Published: 1 April 2023*

#### **ABSTRAK**

R.O. Winstedt merupakan seorang orientalis yang berkhidmat di Tanah Melayu sebagai pentadbir British. Bentuk pemikiran beliau berteraskan falsafah positifisme empirik logik iaitu fahaman yang mementingkan penggunaan akal sepenuhnya sebagai pendekatan utama bagi mendapatkan sesuatu fakta keilmuan dengan tepat berdasarkan kaedah penelitian yang sistematik dan teliti. Falsafah ini menolak pembuktian sesuatu fakta menggunakan sumber wahyu kerana dianggap tidak relevan dalam pembuktian sejarah. Artikel ini menumpukan kepada analisa terhadap pandangan Winstedt mengenai perwarisan harta di Tanah Melayu dengan membuat perbandingan antara undang-undang Islam dan Adat Perpatih. Selain itu, penelitian dibuat bagi mengenalpasti pendekatan orientalis dalam menilai Islam dan masyarakat Melayu. Penulis menggunakan kaedah pensejarahan, perbandingan dan analisis kandungan bagi menganalisis pandangan tersebut. Hasil kajian mendapati pendekatan pemikiran orientalis khususnya Winstedt dalam menilai Islam terutamanya sistem perundangan memperlihatkan sudut pandangan yang meragukan dan pertimbangan yang berat sebelah. Dalam isu perwarisan harta, Winstedt beranggapan undang-undang Islam dan adat tidak boleh dilaksanakan bersama kerana undang-undang Islam pada tanggapan orientalis, kandungannya tidak sesuai untuk diamalkan di Tanah Melayu disebabkan perbezaan budaya dan tempat tinggal. Hal ini berpunca dari kelemahan golongan orientalis dalam memahami kandungan Islam disebabkan latar belakang pemikiran yang berpusatkan Eropah iaitu Eurocentrism. Pemikiran ini mengangkat bangsa Eropah sebagai bangsa yang hebat dan bertamadun berbanding bangsa lain hingga digelar “ambassador of civilization” iaitu penyelamat kepada bangsa yang perlu ditamadunkan.

**Kata kunci:** Undang-undang Islam, Undang-undang Adat Perpatih, Tanah Melayu, Falsafah Positifisme Empirik Logik, Orientalis

## ABSTRACT

*R.O. Winstedt was an orientalist who served in Malaya as a British administrator. His viewpoint is based on the philosophy of logical-empirical positivism, which is an understanding that fully emphasizes the use of common sense as the primary approach to obtaining a scientific fact based on systematic and thorough research methods. This philosophy rejects the proof of a fact using revelation sources because it is considered irrelevant in historical evidence. This article focuses on analyzing Winstedt's views on property inheritance in Malaya by making a comparison between Islamic law and Perpatih Custom. In addition, the observation aims to identify the orientalist's approach to evaluating Islam and the Malay community. The author uses historical, comparative, and content analysis methods to analyze the views. The results of the study found that Winstedt's orientalist approach to evaluating Islam, especially the legal system, showed a dubious point of view and biased judgment. In the issue of property inheritance, Winstedt believes that Islamic law and custom do not work conjointly because in the orientalist view, the Islamic system is not suitable to be practiced in Malaya due to differences in culture and place of residence. This is caused by the orientalists' incomprehension of Islamic law due to their Eurocentrism worldview. This thinking favors the European nation as a great and civilized nation over non-western nations to the point of being called "ambassador of civilization," which is the savior of nations that need to be civilized.*

**Keywords:** *Islamic Law, Perpatih Customary Law, Malaya, logical empirical positivism philosophy, Orientalist*



eISSN: 2550-214X © 2023. Published for Ideology Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution – Non Commercial – No Derivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

## 1. PENGENALAN

Orientalisme berasal daripada perkataan *orient* yang mendapat tambahan *al* dan *isme*. Perkataan *orient* merupakan kosa kata dari bahasa Perancis yang bermaksud timur. Secara geografinya, *orient* bermaksud dunia timur, sedangkan secara etnologinya ia diertikan sebagai bangsa-bangsa di timur (Joesoef 1985). Manakala perkataan *oriental* dalam bahasa Inggeris bermaksud hal-hal yang berhubungan dengan timur dan perkataan *isme* bermaksud sesuatu fahaman, doktrin, ajaran, sistem, aliran atau sikap (Umar 1978).

Menurut Mohd Farhan et al. (2017), orientalisme merupakan fahaman politik yang bertujuan menjajah dan memusnahkan budaya Timur khususnya agama Islam, seterusnya menonjolkan tamadun Barat sebagai hebat dan mendominasi ke seluruh dunia. Manakala bagi Said (1977), orientalisme merupakan suatu kaedah untuk memahami dunia Timur berdasarkan pengamatan masyarakat Barat. Pandangan Said ini merangkumi tiga hal yang berbeza tetapi saling berkaitan antara satu sama lain, iaitu:

- 1) Orientalis merupakan individu yang mengajar, menulis sebuah karya atau melakukan serangkaian penyelidikan tentang dunia Timur. Golongan ini terdiri daripada ahli antropologi, sosiologi ataupun filologi.
- 2) Orientalisme adalah kaedah pemikiran yang berdasarkan kepada perbezaan ontologisme dan epistemologi antara dunia Timur dan Barat.
- 3) Orientalisme merupakan kaedah orang Barat untuk mendominasi, merestrukturisasi dan menguasai masyarakat Timur. Ianya berkepentingan mencipta pernyataan-pernyataan mengenai dunia Timur khususnya berkaitan agama, mengajari dan menguasai dunia Timur seterusnya mengubah mengikut kehendak mereka.

Menurut Siddiq (2012), penulisan ilmiah mengenai sejarah bangsa Melayu dipelopori oleh pengembara Barat dan pegawai kolonial merangkap orientalis selepas pendudukan pertama penjajah semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Penulisan tersebut berbentuk laporan dan

pemerhatian terhadap masyarakat Melayu, bukan kajian yang menepati kaedah penyelidikan ilmiah. Karya-karya orientalis tentang persejajaran Alam Melayu khususnya di Tanah Melayu memperlihatkan banyak kelemahan metodologi di samping sarat dengan prasangka negatif dan berat sebelah hingga rumusnya tidak menepati realiti (Mohd Farhan et al., 2019). Antaranya adalah penjelasan mengenai perwarisan harta oleh Winstedt yang merupakan seorang pentadbir British di Tanah Melayu.

Winstedt, merupakan seorang orientalis yang banyak mengkaji mengenai masyarakat di Tanah Melayu khususnya beragama Islam. Penulisan beliau merangkumi bidang keagamaan, budaya, sejarah dan kesusasteraan (Mohd Farhan et al., 2016). Penulis mengambil peluang bagi mengkaji pandangan Winstedt berkaitan perwarisan harta di Tanah Melayu. Menerusi kajian ini, penulis memfokuskan kepada dua objektif iaitu mengkaji pandangan Winstedt mengenai perwarisan harta di Tanah Melayu dengan membuat perbandingan di antara undang-undang Islam dan Adat Perpatih, dan mengenal pasti pendekatan orientalis dalam menilai Islam dan masyarakat Melayu.

Kajian ini penting kerana dapat memberikan pemahaman kepada bangsa Melayu mengenai salah faham pihak orientalis khususnya Winstedt dalam mentafsirkan perkara perwarisan harta di Tanah Melayu sewaktu pemerintahan British. Bagi mengkaji pandangan Winstedt terhadap perwarisan harta di Tanah Melayu, penulis membuat perbandingan ke atas karya beliau seperti *The Malays: A Cultural History*, *A History of Classical Malay Literature*, *A History of Malaya* dan *Kedah Laws*. Ketika di Tanah Melayu, Winstedt cuba melakukan pelbagai perubahan di luar penerimaan masyarakat Melayu dengan menggunakan pandangan peribadinya yang konservatif terhadap agama Islam seperti dakwaan hanya kuasa Barat sahaja yang mampu memberi kemajuan kepada manusia bukannya Islam.

## **2. METODOLOGI KAJIAN**

Bagi melengkapkan kajian ini, penulis menggunakan tiga metodologi yang dilihat menepati objektif kajian iaitu pensejajaran, perbandingan dan analisis kandungan.

### **2.1 Metode Pensejajaran**

Metode ini merujuk kepada kajian suatu permasalahan dari sudut sejarahnya. Metode ini menggunakan kronologi dan latar belakang sejarah untuk mengetahui asal usul sesuatu perkembangan dengan merujuk kepada bukti-bukti dan fakta sejarah dari sumber yang berstatus primer dan sekunder dalam bidang kajian. Penulis menggunakan metode ini dalam mengkaji pandangan Winstedt mengenai perwarisan harta di Tanah Melayu serta mengenal pasti pendekatan orientalis dalam menilai Islam dan masyarakat Melayu. Selain itu, metode ini juga digunakan untuk menganalisa karya Winstedt.

### **2.2 Metode Perbandingan**

Metode ini berdasarkan pendekatan bersifat pertengahan dalam menilai sesuatu perkara. Ia bertujuan untuk menghasilkan sesuatu kajian yang bersifat adil dan tidak berat sebelah. Setiap maklumat yang diperolehi akan dianalisa bagi mengelakkan pendekatan skeptikal dan hanya menampakkan kesalahan pada satu pihak sahaja. Penulis menggunakan metode ini untuk menganalisa karya Winstedt berkaitan pandangan beliau mengenai perwarisan harta di Tanah Melayu dengan membuat perbandingan di antara undang-undang Islam dan Adat Perpatih, seterusnya membandingkan dengan pandangan ahli akademik yang sehaluan dengannya mahupun tidak. Ini bertujuan bagi membetulkan salah faham mengenai fungsi undang-undang Islam di dalam perwarisan harta serta hubung kait dengan Adat Perpatih di Tanah Melayu.

### **2.3 Metode Analisis Kandungan**

Metode ini digunakan sebagai proses penganalisan data terhadap karya primer dan sekunder berkenaan isu yang menjadi fokus kajian. Melalui metode ini, penulis akan menganalisa karya Winstedt

merangkumi mutu penulisan beliau dan sejauh mana dakwaan beliau terhadap undang-undang Islam dan masyarakat Melayu yang dikatakan tidak bertamadun disebabkan berpegang kepada agama Islam. Hasil dari penganalisaan tersebut, penulis membuat kesimpulan bagi keseluruhan kajian.

### **3. PENDEKATAN KAJIAN ORIENTALIS TERHADAP UNDANG-UNDANG ISLAM**

Menurut Mohd Farhan et al. (2020), orientalis berpandangan Islam sebagai agama budaya yang dihasilkan oleh masyarakat Arab di Timur Tengah berasaskan persekitaran beriklim panas hingga dilabel sebagai kasar dan ganas. Golongan ini beranggapan iklim mempengaruhi perwatakan seseorang dan kerana itu Islam dikatakan sudah tidak relevan untuk dijadikan peraturan hidup pada zaman sekarang (Goldziher 1981). Sebagai ganti, orientalis menerapkan bentuk pemikiran berkonsepkan sekularisme iaitu bebas dari sebarang pegangan keagamaan dalam kehidupan seharian serta menggariskan langkah-langkah bagi melakukan kajian terhadap undang-undang Islam iaitu:

Pertama, suatu bentuk piawaian kualiti yang ketat diterapkan berkaitan penilaian terhadap sumber rujukan yang membabitkan kajian terhadap undang-undang Islam (Goldziher 1981). Para orientalis begitu teliti dalam menilai kebenaran dan kesahihan karya-karya yang dirujuk oleh sarjana Islam. Namun, golongan ini mempertikaikan kebenaran tersebut dan memilih untuk menerima pakai sumber rujukan milik sarjana orientalis silam yang terang-terangan berunsur berat sebelah terhadap Islam.

Kedua, sebarang kajian terhadap undang-undang Islam perlu dibuat menggunakan pendekatan “*higher criticism*” (Goldziher 1981). Pendekatan ini pada mulanya digunakan untuk membuktikan kesilapan yang terdapat di dalam agama Kristian, kemudian telah dipanjangkan penggunaannya kepada agama Islam. Berasaskan kepada pendekatan ini, orientalis cuba membuktikan kesilapan kandungan al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi sumber utama masyarakat Islam.

Goldziher (1981) menggambarkan sistem perundangan Islam sebagai statik dan hanya sesuai diamalkan di Timur Tengah sahaja. Berdasarkan pemikiran sekularisme, undang-undang Islam dikhususkan bagi urusan keagamaan seperti perkahwinan sahaja dan meletakkan undang-undang Barat sebagai perundangan tertinggi dalam pemerintahan negara. Hal ini boleh dilihat dalam Perlembagaan Tanah Melayu yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Reid, bahawa Islam sebagai agama rasmi bagi upacara keagamaan tetapi tidak mempunyai bidangkuasa perundangan (Spuler 1960). Tindakan di atas jelas menafikan sumbangan ulama yang berperanan besar dalam mencorakkan tamadun yang hebat bagi Tanah Melayu ke arah kemerdekaan. Sekiranya menginginkan kemajuan, masyarakat Melayu perlu menolak undang-undang Islam dan menggantikannya dengan sistem perundangan Barat yang lebih praktikal dan memenuhi kehendak manusia.

### **4. PANDANGAN R.O. WINSTEDT TERHADAP UNDANG-UNDANG ISLAM DI TANAH MELAYU**

Menerusi karya bertajuk *The Malays: A Culture History*, Winstedt membuat perbandingan di antara undang-undang Islam dan undang-undang adat dari segi pelaksanaan dan penerimaan masyarakat terhadap kedua-dua perundangan tersebut pada masa itu.

Menurut al-Attas (1978), undang-undang Islam merupakan perundangan yang paling adil dan memenuhi segala keperluan manusia. Tetapi, undang-undang ini di Tanah Melayu telah bercampur aduk dengan undang-undang adat yang dicipta oleh manusia untuk menjaga kedudukan sesetengah golongan seperti bangsawan (Mohd Farhan et al., 2019). Winstedt (1969) menjelaskan perbincangan berkenaan Undang-undang 99 Perak sebagai perundangan Islam, berpandangan bahawa undang-undang tersebut telah disesuaikan dengan keadaan tempatan apabila diterima menjadi undang-undang rasmi di Perak sekitar abad ke-17 dan 18.

Selain itu, Winstedt (1961) juga berpandangan bahawa Undang-undang Adat Perpatih dan Adat Temenggong adalah dua jenis perundangan yang berbeza di Tanah Melayu. Beliau menjelaskan Undang-undang Adat Temenggong mempunyai pengaruh Islam dan Hindu. Manakala, Undang-undang Adat Perpatih pula dikategorikan sebagai undang-undang asal di Tanah Melayu tanpa mempunyai kedua-dua pengaruh tersebut. Dari sudut ini, Winstedt (1988) melihat kedatangan Islam sebagai halangan utama kepada kemajuan undang-undang Melayu terutamanya berkaitan dengan adat dan tidak sesuai diamalkan di Tanah Melayu. Bagi memperjelaskan hujah di atas, penulis memberikan pandangan dari Yan. Beliau menyatakan:

*They perceived Islam and Malay adat laws as irreconcilable and conflicting because Islamic laws originated from a different social context, so it could not practically serve the needs of the Malays.*

Beliau turut menambah:

*The colonial writers judged Islamic laws as static and arbitrary and that is has a negative impact upon the traditional Malay laws.*

(Yan 2009, 140)

Pandangan Yan ini menjadi bukti bagaimana penilaian berat sebelah pihak orientalis dalam menilai sesuatu perkara berkaitan Islam jelas terpengaruh dengan pendekatan kajian orientalis klasik yang sangat memusuhi Islam. Swettenham (1893) menjelaskan, Masyarakat Timur yang masih berpegang kepada agama dilabel sebagai bangsa yang menolak kemajuan dan perlu ditamadunkan melalui proses penjajahan. Golongan orientalis juga melabel perundangan Islam sebagai kejam, statik dan sesuai diamalkan di Timur Tengah sahaja. Malah, Swettenham (2005) menambah, keseluruhan sikap negatif masyarakat Melayu berpunca daripada pegangan teguh mereka terhadap Islam seperti berserah kepada takdir, tidak menghargai masa dan menolak kemodenan. Oleh itu, hal ini perlu diubah dengan memperkenalkan sistem pemikiran Barat khususnya perundangan yang dilihat lebih relevan dan fleksibel bagi zaman sekarang.

Ahmad (2005) menjelaskan, termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 dan Perjanjian Persekutuan 1895 telah melanjutkan penguasaan penjajah dalam urusan pemerintahan di Tanah Melayu. Kedudukan undang-undang Islam sebagai sumber perundangan utama telah dihadkan kepada urusan berkaitan perkahwinan sahaja. Menurut Jamil (2009), setelah berkuat kuasa perjanjian ini pihak British memperluaskan penguasaan mereka dengan melunturkan dasar-dasar pemerintahan Islam yang terdapat sebelum ini di negeri-negeri Melayu. Percantuman dan keserasian antara agama dengan adat dalam kehidupan masyarakat Islam di Tanah Melayu dasingkan dan keunggulan institusi kesultanan sebagai pelindung adat dipertikaikan.

## **5. KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG ISLAM DAN ADAT PERPATIH KE ATAS PERWARISAN HARTA DI TANAH MELAYU**

Winstedt (1961) berpandangan segala persoalan berkaitan perwarisan harta di Tanah Melayu adalah tertakluk di bawah undang-undang Adat Perpatih kerana perundangan tersebut dikategorikan sebagai undang-undang asal di Tanah Melayu. Pandangan ini jelas mengetepikan pengaruh undang-undang Islam dalam hal berkaitan perwarisan tanah bagi masyarakat Melayu beragama Islam.

Winstedt (1961) dalam soal ini, berpegang kepada konsep "*wife's relations*" yang mengangkat kedudukan wanita dalam mewarisi harta pusaka. Konsep tersebut mengutamakan wanita berbanding lelaki dalam sesuatu penyelesaian mengikut undang-undang Adat Perpatih. Winstedt (1961, 95) menyatakan:

*Yet if criminal law in Negri Sembilan became British, the law of property remained matrilineal, and hardly affected even by the Muslim canon.*

*Ancestral property (harta pusaka) devolves from mothers to daughters or to their direct female descendants.*

Berdasarkan pandangan Winstedt di atas, jelas menunjukkan beliau bersetuju dengan pelaksanaan undang-undang Adat Perpatih berbanding undang-undang Islam. Bagi menguatkan pernyataan Winstedt di atas, penulis membawakan pandangan Yan (2009), di mana beliau menyatakan:

*In dealing with the issues of Islam and its relationship with Malay adat laws, the colonial writers subscribed to the view that Islam contradicts the Malay adat laws, because the Islamic laws are woven into Arabian or Middle Eastern practices which are different from the Malay cultural context.*

(Yan 2009, 141)

Berdasarkan dua pernyataan ini, penulis berpandangan bahawa Winstedt menolak pelaksanaan undang-undang Islam dalam kehidupan masyarakat Melayu disebabkan perbezaan budaya dan tempat tinggal. Winstedt (1961) beranggapan undang-undang Islam yang berasal dari Timur Tengah merupakan tempat tinggal masyarakat Arab yang berpewatakan kasar tidak sesuai dengan jiwa masyarakat Melayu. Beliau dilihat lebih bersetuju dengan penggunaan undang-undang bersumberkan akal fikiran seperti Adat Perpatih berbanding perundangan Islam yang bersumberkan wahyu.

Bagi penulis, pandangan Winstedt ini menunjukkan beliau tidak begitu memahami kandungan sebenar undang-undang Islam. Pandangan di mana undang-undang Islam tidak sesuai untuk dipraktikkan di Tanah Melayu adalah kurang tepat. Pandangan sebegini akan menjadikan perundangan Islam dipandang remeh dan dianggap sebagai satu bebanan kepada masyarakat yang begitu berpegang teguh dengan adat untuk mengetepikan adat dan mengutamakan undang-undang Islam.

Winstedt juga mengangkat kedudukan undang-undang Barat berbanding undang-undang Islam dalam urusan perwarisan harta. Beliau menyatakan:

*It cannot be claimed that the British administered the matrilineal law of succession to property in an informed manner or framed appropriate legislation to carry it into effect. A basic error was the failure to recognize that the law follows not the land but the person. Collectors transferred from other states were swayed by a bias towards the Muslim law of succession, with which they were already acquainted, in preference to the intricacies of a matrilineal law of which they were ignorant. Judges failed to distinguish between the various classes of personal property or, contemptuous of the unwritten, based erroneous decisions on such European anachronisms as the entry of the word "Customary" on a title.*

(Winstedt 1961, 99)

Bagi penulis, apa yang dijelaskan oleh Winstedt ini adalah untuk memperkecilkan pengaruh undang-undang Islam dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat di Tanah Melayu. Menurut Hashim (2001), matlamat utama pihak Barat mengeluarkan pandangan sebegini adalah untuk memisahkan para penganut agama Islam dari asas-asas agama dan juga bertujuan untuk menjadikan agama itu tidak berperanan besar dalam kehidupan mereka. Malah Winstedt dilihat cuba mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu untuk mengagumi undang-undang Barat, di mana beliau menjelaskan:

*..while a new Ruler or a neighbouring chief would prefer some harsh provision of Hindu or Muslim law. Under the British, justice, though often harsh, became everywhere uniform and always honest.*

(Winstedt 1961, 81)

Merujuk kepada sebuah karya Winstedt (1928) iaitu *Kedah Laws*, penulis mendapati banyak masalah yang timbul hasil dari campur tangan pihak British berkaitan isu penyelesaian hak perwarisan tanah. Golongan ini merasakan sekiranya masyarakat Melayu inginkan penyelesaian yang berbentuk manfaat bersama, dicadangkan isu pertukaran hak milik tanah perlu diselesaikan melalui undang-undang tanah versi Barat. Winstedt menjelaskan undang-undang Barat lebih memenuhi setiap urusan kehidupan masyarakat Melayu dan meraikan kedudukan undang-undang adat berbanding undang-undang Islam.

Penulis memetik pandangan dari R.J. Wilkinson yang memberikan pendapat berkenaan kesan pengaruh undang-undang Islam ke atas kehidupan masyarakat di Tanah Melayu merangkumi hal seperti perkahwinan, jenayah, perwarisan harta dan sebagainya. Adakah ia betul-betul memberikan kesan yang mendalam ke atas masyarakat Melayu atau sekadar dijadikan sebagai undang-undang tambahan untuk dimasukkan ke dalam undang-undang adat. Beliau mengatakan:

*Notwithstanding the influence of Muslim law in Malaya, it had not supplanted the local adat in its entirety. It was accepted in the religious matters, in family law and the law of succession, but in order matters the adat prevailed with only some Muslim additions incorporated in it in the course of centuries.*

(Wilkinson 1908, 48)

Penjelasan dari Wilkinson ini menjadi bukti bahawa undang-undang Islam pada pandangan orientalis tidak memberi pengaruh yang kuat dalam kehidupan masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Bagi penulis, golongan orientalis ini mengetahui kebenaran bahawa Islam sangat berpengaruh dalam pemikiran masyarakat Melayu tetapi menafikannya dengan mengeluarkan beberapa pandangan yang negatif berkaitan perundangan Islam supaya dapat mengubah pendirian masyarakat daripada kuat kepada goyah.

Berdasarkan analisis penulis, apa yang dimaksudkan pemberian harta pusaka kepada wanita dalam Adat Perpatih merupakan pemberian tanah adat. Tanah adat ini adalah tanah yang turun temurun daripada nenek moyang sesuatu keluarga. Berkenaan perwarisan harta pula, jika seseorang ingin memelihara Adat Perpatih tetapi dalam masa yang sama tetap ingin berpegang teguh dengan undang-undang perwarisan Islam (*faraid*), maka tindakan yang seharusnya dilakukan ialah si ibu hendaklah menghibahkan keseluruhan harta adatnya kepada anak perempuannya sebelum beliau meninggal dunia. Tindakan ini secara tidak langsung membolehkan Adat Perpatih tetap terpelihara dan pada masa yang sama, tindakan ini tidak bertentangan dengan undang-undang Islam. Harta adat itu tadi tidak lagi dikira sebagai harta pusaka kerana ia telah pun dihibahkan kepada anak perempuan dan telah menjadi hak milik mutlak kepadanya. Tetapi sekiranya harta tersebut tidak dihibahkan sebelum si ibu meninggal dunia, harta itu akan menjadi harta pusaka dan akan dibahagikan mengikut undang-undang perwarisan Islam (*faraid*).

## 6. KESIMPULAN

Pendekatan pemikiran Winstedt terhadap Islam di Tanah Melayu menunjukkan sudut pandangan yang skeptikal (meragukan) hingga sebahagian penulisannya mengenai Islam dan masyarakat Melayu berdasarkan sudut pertimbangan yang berat sebelah serta menyimpang dari sejarah tamadun Melayu. Pandangan beliau ini berdasarkan paradigma evolusi dan difusi yang terdapat dalam pendekatan orientalisme. Beliau meletakkan pendekatan logik akal pada tahap yang tinggi, hingga berpendapat segala tradisi, adab dan tatacara keilmuan serta perundangan Islam boleh dipersoalkan kesahihannya.

Menerusi kajian ini, penulis berpandangan terdapat salah faham di dalam pandangan Winstedt mengenai perwarisan harta di Tanah Melayu. Beliau mengangkat kedudukan wanita dalam mewarisi harta pusaka berbanding lelaki mengikut undang-undang Adat Perpatih tanpa mengkaji dan memahami persoalan hukum menerusi konteks perundangan Islam.



Kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah menyebabkan berlakunya proses asimilasi dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kedatangan Islam tidak menghilangkan terus pengaruh adat dari kehidupan masyarakat Melayu. Malah kedatangan tersebut dilihat dari sudut positif sebagai “*led to a selective syncretisation*” iaitu mana-mana adat yang dianggap sesuai dan tidak bercanggah dengan Islam akan dikekalkan seperti biasa. Hujah di atas adalah bercanggah dengan pandangan Winstedt yang beranggapan undang-undang Islam dan adat tidak boleh dilaksanakan bersama kerana kandungan di dalam undang-undang Islam dilihat tidak sesuai untuk diamalkan di Tanah Melayu disebabkan perbezaan budaya dan tempat tinggal.

Winstedt dilihat gagal dalam memahami masyarakat Melayu disebabkan latar belakang pemikiran yang berpusatkan Eropah iaitu *Euro-centrism*. Sudut pemikiran ini mengangkat bangsa Eropah sebagai bangsa yang hebat dan bertamadun melebihi bangsa yang tinggal di Asia merangkumi Timur Tengah dan juga di Tanah Melayu. Bagi memperbaiki kelemahan tersebut, pihak British dianggap sebagai “*ambassador of civilization*” iaitu penyelamat kepada masyarakat di Alam Melayu. Apabila Winstedt menjadikan pendekatan *Euro-Centrism* sebagai kayu pengukur untuk mengkaji sejarah Tanah Melayu, ternyata beliau belum lagi memahami sepenuhnya berkenaan masyarakat Melayu, malah berat sebelah dalam mentafsirkan persoalan berkenaan Islam di Tanah Melayu.

## **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam melengkapkan penulisan ini. Terutamanya kepada penulis bersama iaitu Dr Muhd Imran Abd Razak, Dr Ahmad Firdaus Mohd Noor, Dr Nurul Kamalia Yusuf, Dr Khairunnisa A. Shukor dan Nor Adina Abdul Kadir atas bantuan serta bimbingan yang diberikan sepanjang proses penulisan.

## **PEMBIAYAAN**

Penulis tidak menerima sokongan kewangan untuk penyelidikan, penulisan dan penerbitan untuk artikel ini.

## **SUMBANGAN PENULIS**

Mohd Farhan Abd Rahman merupakan penulis utama kepada penulisan ini dan dibantu serta dibimbing oleh penulis bersama yang mempunyai kepakaran dalam pemilihan metodologi, analisis data, semakan bahasa dan sebagainya. Dr Muhd Imran Abd Razak dan Dr Ahmad Firdaus berperanan sebagai pembimbing dalam pemilihan metodologi yang sesuai dengan tajuk penulisan. Manakala Dr Khairunnisa A. Shukor dan Nor Adina Abdul Kadir bertindak sebagai pembantu dalam mengembangkan idea penulisan, hasil dari penelitian dan pembacaan makalah yang berkaitan. Dr Nurul Kamalia Yusuf dari Akademi Pengajian Bahasa berperanan sebagai penyemak bahasa dalam memastikan pembinaan ayat adalah betul dan pemilihan istilah yang sesuai. Setiap penulis bersama sentiasa berkongsi pandangan dan kepakaran dalam memastikan penulisan ini dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

## **KONFLIK KEPENTINGAN**

Penulis mengesahkan tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan dan penerbitan untuk artikel ini.



## RUJUKAN

- Ahmad, I. & Ahilemah, J. (2005). *Sistem Undang-Undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, S.M.N. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Goldziher, I. (1981). *Introduction to Islamic Theology and Law*. (Andras & Ruth, H., Terj.). Princeton: Princeton University Press.
- Hashim, M. (2001). *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Joesoef, S.H.M. (1985). *Orientalisme dan Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Mohd Farhan, A.R., Muhd Imran, A.R., Ahmad Firdaus, M.N., Mukhamad Khafiz, A.B., & Nurul Khairiah, K. (2020). Pengaruh Hinduisme dalam Kehidupan Masyarakat Melayu: Rujukan Khusus Karya Pilihan R.O. Winstedt. *Ideology Journal*, 5(1), 140-148. Dicapai daripada <https://doi.org/10.24191/ideology.v5i1.186>.
- Mohd Farhan, A.R., Muhd Imran, A.R., Ahmad Firdaus, M.N., Mukhamad Khafiz, A.B., & Nurul Khairiah, K. (2019). Kedudukan Perundangan Jenayah Islam dan Adat ke atas Masyarakat Melayu di Tanah Melayu Menurut Pandangan Orientalis: Rujukan Khusus Terhadap R.O. Winstedt. *Jurnal 'Ulwan*, 4(1), 86-99. Dicapai daripada <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/495>.
- Mohd Farhan, A.R., Nurul Hidayah, A., Nor Adina, A.K. & Noor Fazreen, M.A. (2017). Orientalist Studies Verge on Islam: Early History. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(12), 1246-1256. Dicapai daripada <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v7-i12/3760>.
- Mohd Farhan, A.R., Nurul Hidayah, A., Norazmi, A. & Rahimin Affandi, A.R. (2019). Research Approach R.O. Winstedt on Islam and Its Influence on the Malay Community in Malaya: An Analysis. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(1), 82-94. Dicapai daripada <https://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/77>.
- Mohd Farhan, A.R., Rahimin Affandi, A.R., Nor Adina, A.K., Muhd Imran, A.R. & Amin, C.A. (2016). Orientalis dan Masyarakat Melayu: Analisis Terhadap Karya Pilihan R.O. Winstedt. Prosiding Language, Education & Civilization International Conference (LECIC2016). Akademi Pengajian Islam Kontemporari & Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, 24-25 May 2016.
- Mohd Jamil, M. (2009). *Gerakan Islam di Malaysia: Kesenambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM Shah Alam.
- Muin, U. (1978). *Orientalisme dan Kajian Tentang Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Said, E.W. (1977). *Orientalism*. London: Penguin.
- Siddiq, F. (2012). *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*. c.3. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan, Kolej Dar al-Hikmah.
- Spuler, B. (1960). *The Muslim World: A Historical Survey*. Leiden: E.J. Brill.
- Swettenham, F. (1893). *About Perak*. Singapura: Straits Times Press.
- Swettenham, F. (2005). *Perihal Orang Melayu*. c.2. (Zubaidah, I., Terj.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wilkinson, R.J. (1908). *Papers on Malay Subjects: Law Part 1*. Kuala Lumpur: Government of the Federated Malay State.
- Winstedt, R.O. (1969). *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Winstedt, R.O. (1988). *A History of Malaya*. Kuala Lumpur: Marican & Sons.
- Winstedt, R.O. 1961, *The Malays: A Cultural History*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Yan, C.Y. (2009). Colonial Image of Malay Adat Laws: A Critical Appraisal of Studies on Adat Laws in the Malay Peninsula during the Colonial Era and Some Continuities by Noor Aisha Abdul Rahman. *New Era College Academic Journal*. v. 6.

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim  
Rektor  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

**SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN**  
Timbalan Ketua Pustakawan

*nar*

*Setuju.*

*27.1.2023*

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM  
REKTOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERAK  
KAMPUS SERI ISKANDAR